

# JAWAPAN

## Tema 1

### Unit 1: Bakat Istimewa

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Bagai menatang minyak yang penuh

- 1 Terima kasih, Rayyan.
- 2 Dari mana kakak belajar melukis corak batik ini?
- 3 menguasai sesuatu ilmu serta kemahiran
- 4 Boleh, apa salahnya.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Nisa menyertai pertandingan bercerita.
- 2 Seramai 10 orang peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan bercerita tersebut.
- 3 Nisa tersenyum girang kerana dia telah berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan bercerita tersebut.
- 4 Pada pendapat saya, faedah Nisa menyertai pertandingan tersebut ialah dapat mencungkil bakatnya dalam menyampaikan cerita. Selain itu, Nisa dapat meningkatkan keyakinan diri untuk berdiri di atas pentas dan menyampaikan cerita di hadapan orang ramai.

#### Kemahiran Menulis

##### Kemahiran Menulis

8:30 pagi  
Ketibaan Tuan Pengetua, guru-guru dan barisan hakim yang akan mengadili pertandingan berbalas pantun. Para peserta dari kedua-dua pasukan sudah bersedia di tempat masing-masing.

8:45 pagi

Guru besar memberikan ucapan dan merasmikan acara berbalas pantun. Beliau berharap agar acara ini dapat menjadi acara tahunan dalam usaha mencungkil bakat murid-murid dalam bidang seni terutamanya pantun.

9:00 pagi

Pertandingan berbalas pantun dimulakan. Dua pasukan yang berjaya di peringkat akhir, iaitu kelas Tahun Enam Kenanga dan Tahun Enam Dahlia berentap menunjukkan kehebatan masing-masing. Para penyokong kedua-dua belah pihak memberi tepukan gemuruh.

10:00 pagi

Pertandingan berbalas pantun selesai. Kemudian, acara selingan diadakan sementara pengiraan markah dijalankan oleh para hakim. Nurul Ain telah memukau para penonton dengan pendeklamasian sajak Cintai Bahasa.

10.15 pagi

Keputusan pertandingan diumumkan oleh Tuan Pengerusi Majlis. Pasukan Tahun Enam Kenanga berjaya menjadi johan. Mereka mendapat pelbagai hadiah seperti buku, hamper dan sijil.

10:30 pagi

Guru besar menyampaikan hadiah seterusnya memberikan ucapan penutup. Beliau berbangga melihat kebolehan murid-murid mencipta pantun secara spontan. Beliau juga berharap bakat mereka akan terus digilap dari semasa ke semasa.

### Unit 2: Satu Keluarga Dua Budaya

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Encik Rahim tinggal di kampung seberang
- 2 Benarkah Encik Rahim mempunyai seorang menantu yang berketurunan Cina
- 3 Baiklah, saya akan beritahu kamu nanti
- 4 Mengapa pula, Maziah

#### Kemahiran Membaca

- 1 mesra
- 2 Encik Rahman mengenalnya setelah berkenalan semasa menuntut di universiti yang sama.
- 3 Antara rahsia kebahagiaan keluarga Encik Rahman ialah beliau mendidik anggota keluarganya supaya menghormati kedua-dua budaya dalam keluarganya.
- 4 Sebagai seorang anak, tanggungjawab saya untuk mengekalkan kebahagiaan dalam keluarga saya adalah mendengar nasihat ibu bapa dengan belajar bersungguh-sungguh. Selain itu, saya akan sentiasa berdoa agar keluarga saya sentiasa bahagia selalu.

#### Kemahiran Menulis

- |                  |                 |
|------------------|-----------------|
| 1 campuran       | 7 kawan         |
| 2 Sungguhpun     | 8 berkomunikasi |
| 3 masalah        | 9 harmoni       |
| 4 bertolak ansur | 10 kekeluargaan |
| 5 berpesan       | 11 berkumpul    |
| 6 menghormati    | 12 tradisional  |

### Unit 3: Jauh Di Mata Dekat Di Hati

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Sudah
- 2 memberi maklumat tentang tempat-tempat menarik di Jepun

- Sudah tiga tahun abang saya belajar di sana, cikgu
- Abang saya ada memberitahu bahawa ketika ini di Jepun sedang mengalami musim bunga
- Saya juga telah berkongsi maklumat ini dengan rakan-rakan di dalam kelas

#### Kemahiran Membaca

- halwa betik
- Harga barang jualan di situ agak murah kerana peniaga-peniaga di situ menjual hasil daripada kebun yang diusahakan sendiri.
- Pada pendapat saya, seseorang itu boleh mengusahakan tanaman jangka pendek dengan kaedah hidroponik.

#### Kemahiran Menulis

Bil.	Perkataan	Maksud
1	tengkujuh	musim hujan
2	berhijrah	bertukar tempat/ berpindah
3	jarang	kadang-kadang
4	suasana	keadaan
5	rezeki	sumber pendapatan
6	menjelaskan	menerangkan
7	melimpah-ruah	terlalu banyak
8	diperoleh	dimiliki
9	kenangan	ingatan masa lampau

## Tema 2

### Unit 4: Minda, Oh, Minda!

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Wah, tentu menarik sekali ceramah tersebut
- mestilah mempunyai matlamat dalam hidup
- kita juga mestilah menerima pendapat positif orang lain
- memiliki kesabaran, bertanggungjawab
- perlu jujur dalam menjalani kehidupan seharian
- Seseorang itu tidak kekok apabila bergaul dengan orang ramai
- mempunyai sikap berbudi bahasa dan berakhlak mulia
- Ada. Mereka mestilah bijak menangani masalah dan mempunyai keyakinan diri

#### Kemahiran Membaca

##### Rumusan

Pantun-pantun tersebut memperkatakan tentang kepentingan melakukan aktiviti sukan dalam kalangan masyarakat. Dengan bersukan, badan akan menjadi cergas lantas mampu menjalani kehidupan seharian dengan lebih bermakna. Di samping itu, amalan bekerjasama pula sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini demikian kerana kerja yang berat dapat dilakukan dan disiapkan dalam masa yang lebih singkat. Seterusnya,

sebuah keluarga bahagia menjadi impian semua orang kerana kebahagiaan membawa ketenangan.

#### Kemahiran Menulis

##### Pendahuluan:

memilih kawan sangat penting – menentukan sama ada kita mendapat kawan yang baik atau sebaliknya

##### Isi-isi penting:

- memilih kawan yang baik
- kawan yang setia – sanggup susah senang bersama
- kawan yang rajin dan bersahsiah mulia
- kawan yang mempunyai cita-cita murni dalam hidup

##### Penutup:

kawan boleh menentukan arah tuju hidup seseorang

### Unit 5: Usahlah Stres

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

kurangnya kesedaran individu di samping kurang didikan agama dan moral. Peraturan disiplin yang longgar juga boleh menyebabkan masalah disiplin di sekolah meningkat. Murid yang sering melanggar disiplin biasanya berpunca daripada kurangnya minat untuk belajar. Mereka juga mungkin menghadapi masalah keluarga di rumah dan ibu bapa pula kurang memantau anak-anak mereka. Tidak ketinggalan juga, pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan seseorang murid itu terlibat dalam masalah disiplin.

Walau bagaimanapun, masalah disiplin boleh diatasi dengan pelbagai kaedah. Salah satu caranya adalah dengan mendapatkan khidmat guru kaunselor. Guru disiplin pula mestilah lebih tegas ketika berhadapan dengan murid yang bermasalah. Mereka perlu dikenakan hukuman yang setimpal agar mereka gentar untuk mengulangi kesalahan. Ibu bapa serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru juga hendaklah memainkan peranan penting untuk membendung masalah disiplin dalam kalangan murid. Pelbagai pihak boleh mengadakan kempen secara berterusan agar masalah disiplin ini dapat ditangani.

#### Kemahiran Membaca

Tekanan boleh dihadapi oleh setiap orang tidak kiralah apa-apa pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Sama ada para pekerja dalam pelbagai sektor mahupun murid-murid, mereka pasti pernah mengalami tekanan kerja. Tekanan sebegini perlu diurus dengan baik agar tidak bertambah buruk sehingga menyebabkan kemurungan. Usaha untuk mengurangkan tekanan mesti dilakukan agar tidak menambah bebanan yang sedia ada. Tekanan boleh dielakkan dengan berjumpa kaunselor atau pakar motivasi serta mendapatkan nasihat daripada rakan. Oleh itu, tekanan perlu ditangani dengan baik supaya dapat menjalani hidup dengan lebih sempurna.

#### Kemahiran Menulis

Kesalahan	Pembetulan
pemeriksaan	peperiksaan
Bagaimana	Apakah
merasa	berasa
memenuhkan	memenuhi
masaalah	masalah
memikirkan	difikirkan

## Unit 6: Terima Kasih, Cikgu

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Tuan Guru Besar
- 2 Yang Berhormat
- 3 Cikgu
- 4 Tuan Pengerusi Majlis
- 5 Tuan Haji

### Kemahiran Membaca

- 1 Aminuddin tidak dapat melupakan mata kerana UPSR semakin hampir sedangkan banyak lagi subjek yang belum dibuat ulang kaji.
- 2 Maksud simpulan bahasa **tidur-tidur ayam** ialah tidur yang tidak nyenyak.
- 3 Aminuddin berterima kasih kepada Cikgu Faridah kerana beliau membawa nota-nota pelajaran untuk Aminuddin ketika terlantar di hospital.
- 4 Pada pendapat saya, Aminuddin boleh membalas jasa Cikgu Faridah dengan belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya dalam UPSR. Di samping itu, Aminuddin boleh sentiasa menziarahi Cikgu Faridah walaupun sudah tidak bersekolah di situ lagi.

### Kemahiran Menulis

Setiap murid mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Keistimewaan ini berbeza-beza antara setiap murid sama ada dari segi akademik, kokurikulum dan keperibadian yang dimiliki oleh seseorang murid itu.

Azlan bin Ahmad merupakan seorang murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Bukit Rotan. Dia merupakan anak seorang peladang. Ibunya seorang suri rumah sepenuh masa.

Azlan merupakan seorang murid yang rajin belajar dan rajin membantu guru. Dia tidak suka membuang masa semasa berada di sekolah. Walaupun pada waktu rehat, dia masih membawa buku terutamanya apabila ke kantin.

Oleh yang demikian, dia selalu mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Contohnya, dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun baru-baru ini, dia mendapat 5A.

Azlan juga seorang murid yang berdisiplin. Biarpun Azlan bukan seorang pengawas, tetapi tahap disiplinnya di sekolah amat baik. Dia tidak pernah melanggar disiplin dan peraturan di sekolah. Dia sentiasa berpakaian kemas dan tidak pernah datang lewat ke sekolah.

Azlan juga merupakan seorang murid yang aktif dalam sukan dan persatuan. Dia menjadi wakil dalam pertandingan badminton sekolahnya. Dia juga menjadi Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu di sekolahnya.

Azlan menjadi ikutan atau contoh bagi murid-murid lain di sekolahnya. Guru-guru menyayanginya dan mereka berharap Azlan akan terus berjaya.

## Tema 3

### Unit 7: Program Sarana

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Hadirin

- 2 Kita
- 3 tuan
- 4 mereka
- 5 Puan
- 6 beliau

### Kemahiran Membaca

- 1 Mentor Menti.
- 2 Murid-murid Sekolah Kebangsaan Taman Bahagia.
- 3 Setiap hari persekolahan dan hujung minggu dari pukul 2.00 petang hingga 3.30 petang.
- 4 Untuk membantu murid-murid yang lemah dalam sesuatu subjek.
- 5 Mentor dalam kalangan murid terpilih akan membimbing dan berbincang dengan rakan-rakan mereka atau menti dalam subjek yang tidak difahami.

### Kemahiran Menulis

Ibu bapa merupakan tunjang utama kecemerlangan anak-anak mereka. Pelbagai langkah boleh dilakukan oleh ibu bapa bagi memastikan anak mereka menjadi murid yang cemerlang dari segi sahsiah mahupun akademik. Ibu bapa yang prihatin terhadap pelajaran anak-anak akan memberi tunjuk ajar tentang latihan yang tidak difahami oleh anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa juga boleh menghantar anak-anak menghadiri program motivasi pada musim cuti sekolah bagi membina jati diri dalam diri anak-anak. Bagi ibu bapa yang berkemampuan, mereka boleh menghantar anak-anak menghadiri kelas tuisyen bagi meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran. Akhir sekali, ibu bapa juga perlu meluangkan masa bersama dengan anak-anak agar mereka berasa lebih disayangi dan dihargai.

## Unit 8: Kelab Alumni


### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 bekerjasama
- 2 kesihatan
- 3 keceriaan
- 4 menanam
- 5 pondok
- 6 memasang
- 7 menggunakan
- 8 dipulangkan

### Kemahiran Membaca

- 1 tawaran.
- 2 Tujuan utama persatuan tersebut mengadakan mesyuarat adalah untuk membincangkan tentang program kebajikan murid yang akan menggunakan wang peruntukan persatuan itu.
- 3 Pada pendapat saya, berdasarkan keutamaan, dua cadangan yang patut diutamakan oleh persatuan itu ialah pemasangan CCTV untuk memantau keselamatan murid-murid dan bantuan kewangan kepada murid miskin dan anak yatim.

## Kemahiran Menulis



## Unit 9: Perkongsian Pintar

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 nasib malang
- 2 hilang tempat bergantung
- 3 meraih simpati
- 4 terbela nasibnya
- 5 tidak terpinggir
- 6 duduk sama rendah

### Kemahiran Membaca

#### Kelab TAHA

#### Tujuan penubuhan:

- 1 Menjadikan murid sebagai ahli kelab
- 2 Mendorong ahli menunaikan haji dalam usia muda
- 3 Menganjurkan program yang berfaedah untuk ahli

#### Keahlian:

- 1 Penyertaan dibuka bagi murid yang berumur 7 tahun hingga 17 tahun
- 2 Beragama Islam
- 3 Mempunyai jumlah keahlian dalam kalangan murid yang paling ramai di Malaysia

### Kemahiran Menulis

Terdapat beberapa nilai murni dalam petikan tersebut. Antaranya ialah kesabaran menghadapi ujian Tuhan akibat kematian ibu bapa dalam kemalangan jalan raya. Sufian bin Salim tidak putus asa sebaliknya tabah menghadapi takdir Tuhan dengan tenang. Terdapat juga nilai berterima kasih kerana menghargai sumbangan Syarikat Petroleum Nasional yang telah menjadikannya sebagai anak angkat. Malahan, terdapat nilai kesyukuran kepada Tuhan kerana Sufian bin Salim cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum di sekolahnya.

## Tema 4

## Unit 10: Selamat dalam Perjalanan

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Keselamatan merupakan aspek yang perlu diutamakan semasa lawatan.

- 2 Banyak kes berkaitan dengan keselamatan murid berlaku semasa lawatan.
- 3 Para peserta perlu diberikan taklimat tentang aspek keselamatan supaya mereka peka.
- 4 Ibu bapa juga perlu diberikan taklimat agar dapat mengingatkan anak mereka tentang aspek keselamatan.

### Kemahiran Membaca

#### DI SINI TERUNGKAI SEJARAH

Bumimu dulu,  
gagah merentas dunia  
pelabuhanmu tumpuan pedagang merata  
jajahanmu luas di alam Melayu.

Namun,  
apabila rakyatmu mula berpecah  
satu demi satu jajahan terlepas  
dan akhirnya engkau sendiri tersungkur di tangan penjajah.

Sejarah itu,  
bisa sahaja terulang kini  
jika kita tidak belajar daripadanya.

*(Murid bebas mencipta sajak yang sesuai).*

### Kemahiran Menulis

Selamat sejahtera dan Salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menghadiri sesi taklimat untuk lawatan ke Pesta Buku pada minggu hadapan.

Para peserta sekalian,

Aspek keselamatan menjadi keutamaan sepanjang lawatan kita. Kita tidak mahu berlaku kes yang tidak diingini seperti kehilangan, penculikan dan kemalangan. Jika berlaku, kesannya amat besar dan boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada semua pihak. Oleh itu, kita mestilah berwaspada dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu.

Peserta mesti berkumpul jam 7.30 pagi di dataran perhimpunan. Pastikan semua peserta sudah mengisi borang kebenaran ibu bapa dan membayar insurans. Setiap peserta juga perlu mematuhi arahan yang diberikan dari semasa ke semasa. Hal ini penting untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Semasa di pameran buku, para peserta hendaklah bergerak dalam kumpulan. Selain itu, para peserta lawatan diingatkan agar jangan mudah melayan individu yang bermanis mulut dan jangan bergerak secara bersendirian.

Akhir kata, saya berharap semua peserta akan mengambil berat perkara-perkara yang telah saya sampaikan ini demi keselamatan bersama. Sekian, terima kasih.

## Unit 11: Pastikan Selamat

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

**Tempat:** Di hadapan pintu pagar sebuah sekolah.

**Situasi:** Murid-murid pulang dari sekolah setelah tamat waktu persekolahan.


#### Aspek Keselamatan:

- 1 Berbaris dan tidak berebut-rebut semasa menaiki bas.

- 2 Berbasikal di tepi jalan dan melawan arus agar murid dapat melihat kenderaan yang datang dari arah hadapan.
- 3 Murid-murid hanya dibenarkan melintas jalan yang sibuk setelah semua kenderaan berhenti.
- 4 Tidak bersaing-saing dengan rakan semasa menunggang basikal.
- 5 Menunggu ibu bapa di tempat yang selamat.

#### Kemahiran Membaca

- 1 kejadian jenayah seperti mencuri, merompak, peras ugut dan samun yang sering sahaja berlaku di taman itu.
- 2 Persatuan penduduk mengatasi masalah tersebut dengan cara mengadakan sistem rondaan, menasihati penduduk agar lebih berwaspada dan mengadakan ceramah tentang aspek keselamatan.



#### Kemahiran Menulis

Asrama SK Sultan Abdul Aziz,  
Jalan Mahkota,  
36000 Teluk Intan,  
Perak.

4 Februari 2017.

Menemui adinda Fikri yang sentiasa diingati selalu. Apa khabar adinda dan keluarga di kampung? Kekanda harap semoga adinda dan keluarga dalam keadaan sihat. Bagi diri kekanda di sini, sihat sentiasa.

Adinda,

Kekanda sering terbaca berita tentang kejadian jenayah yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak usia adinda sejak belakangan ini seperti kemalangan dan kes penculikan. Kekanda bimbang akan keselamatan adinda dan mengambil peluang ini untuk menasihati adinda agar lebih berhati-hati.

Semasa adinda berada bersendirian di rumah, pastikan adinda mengunci pintu rumah untuk mengelakkan daripada dimasuki oleh penjenayah. Jikalau ada individu yang tidak dikenali datang ke rumah, jangan mudah mesra dan membenarkan individu tersebut masuk ke rumah ketika ibu dan ayah tiada.

Di samping itu, adinda juga harus mengelak menggunakan barangan elektrik tanpa pengawasan ibu dan ayah. Adinda juga dilarang memasak makanan sendirian kerana dibimbangi adinda terlupa menutup api di dapur dan ini boleh mengundang kebakaran.

Kekanda rasa, banyak juga dalam kalangan rakan adinda yang masih tidak mengetahui tentang perkara ini. Diharapkan adinda dapat menyampaikan maklumat ini kepada rakan-rakan yang lain.

Akhir sekali, kekanda berharap agar adinda sentiasa menjaga keselamatan diri. Jangan pandang enteng

masalah keselamatan ini. Akhir kata, sampaikan salam kekanda kepada ayahanda dan bonda. Insya-Allah kekanda akan pulang pada cuti sekolah nanti.

Kekandamu,  
*Firdaus*

#### Unit 12: Fikir Sebelum Klik

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Selamat sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang dihormati tuan pengerusi majlis, guru-guru, seterusnya rakan-rakan yang dikasihi sekalian.

Saya ingin berkongsi dengan rakan-rakan maklumat tentang aspek keselamatan semasa melayari Internet memandangkan kemudahan ini mempunyai keburukan jika tidak digunakan mengikut saluran yang betul.

Pertama sekali, rakan-rakan perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa sebelum melayari Internet. Kebenaran ibu bapa ini penting supaya mereka dapat memantau laman-laman yang kita layari. Mereka juga boleh memberikan nasihat kepada kita tentang laman web yang mendatangkan faedah atau sebaliknya.

Selain itu, kita hendaklah melayari laman web yang dapat memberikan faedah. Elakkanlah melayari laman-laman web yang dapat merosakkan fikiran seperti laman web lucah dan ruangan sembang maya yang hanya merugikan masa dan mendedahkan kita kepada penipuan.

Di samping itu, rakan-rakan jangan sesekali mendedahkan maklumat peribadi dan keluarga kepada pihak yang tidak dikenali. Hal ini demikian kerana mereka akan menggunakan maklumat ini untuk tujuan penipuan.

Akhir sekali, saya berharap agar rakan-rakan lebih berwaspada semasa menggunakan Internet. Ingat, kebijaksanaan menggunakan Internet akan membawa kebaikan, tetapi kesilapan boleh mengundang padah. Sekian, terima kasih.

#### Kemahiran Membaca

Terdapat peniaga atas talian yang mengambil kesempatan menipu pembeli.	2	Kerajaan telah mewujudkan Tribunal Pengguna.	5
Barang tersebut tidak dihantar oleh peniaga kepada pembeli.	3	Pembeli dan penjual akan bersemuka bagi menyelesaikan masalah.	6
Urusan jual beli menjadi lebih mudah.	1	Keadaan barangan dan fungsinya hanya indah khabar daripada rupa.	4

#### Kemahiran Menulis

1 Internet penting kepada seseorang kerana banyak urusan seharian yang kita jalankan memerlukan penggunaan Internet.

2 ✓, X



- 3 Pada pendapat saya, untuk mengelakkan kita daripada menjadi mangsa penipuan Internet ialah kita hendaklah menjadi pengguna yang bermaklumat tentang jenis-jenis dan taktik penipuan yang dilakukan oleh penjenayah siber dan tidak mudah terpengaruh dengan tawaran-tawaran menarik yang terdapat di Internet.

## Tema 5

### Unit 13: Formula Perpaduan

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

tentang permuafakatan hidup dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa. Kita perlu hidup bersatu padu dan saling bertegur sapa antara satu dengan yang lain. Oleh hal yang demikian, kita pasti dapat menikmati keamanan dalam kehidupan bermasyarakat. Amalan mulia seperti ziarah-menziarahi antara satu dengan yang lain hendaklah dijadikan budaya dalam kehidupan dan dikekalkan dari generasi ke generasi.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Maksud bertoleransi dalam petikan ialah tolak ansur.
- 2 Hubungan antara kaum di taman perumahan lebih dekat dan akrab kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum.
- 3 Pada pendapat saya, jika perpaduan antara kaum tidak wujud maka tiadalah kerjasama antara kaum. Selain itu, pertelingkahan antara kaum juga mudah berlaku dan negara akan menghadapi banyak masalah.

#### Kemahiran Menulis

Perpaduan sangat penting dalam sesebuah negara yang dihuni oleh pelbagai kaum. Di Malaysia, tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India hidup dalam keadaan bersatu padu dan harmoni dalam pelbagai aspek.

Perpaduan dalam kalangan rakyat sangat penting kerana dengan wujudnya perpaduan, sesebuah negara akan membangun. Ekonomi sesebuah negara juga akan melonjak dan tidak ada masalah dalam kalangan penduduk. Mereka boleh mencari rezeki bersama-sama dalam keadaan selesa.

Selain itu, perpaduan akan memudahkan urusan harian dalam kalangan masyarakat di negara kita. Hal ini disebabkan oleh wujudnya persefahaman serta toleransi antara kaum yang berada di negara kita.

Perpaduan juga menambahkan lagi hubungan baik antara kaum. Mereka boleh meraikan perayaan bersama-sama seterusnya mengenali budaya antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Kesimpulannya, perpaduan kaum mesti dipertahankan agar negara kita terus mencapai kemajuan.

### Unit 14: Berkat Hidup Sepakat

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Jawatankuasa penduduk mengadakan mesyuarat untuk mencari kata sepakat mengenai majlis yang bakal diadakan.
- 2 Penduduk bekerjasama mengadakan persiapan untuk mengadakan rumah terbuka di dewan komuniti.

Pelbagai kerja dilakukan secara bergotong-royong.

- 3 Program rumah terbuka mendapat sambutan menggalakkan. Penduduk dapat menjamu selera, berkenal-kenalan antara satu dengan yang lain tanpa mengira kaum.

#### Kemahiran Membaca

- 1 Maksud perkataan *akrab* dalam petikan ialah rapat.
- 2 Bukti wujudnya perpaduan kaum di negara kita ialah persahabatan yang terjalin antara tiga kaum, iaitu Melayu, Cina dan India.
- 3 Pada pendapat saya, dua perkara lain yang boleh dilakukan untuk membuktikan persahabatan yang erat adalah dengan menziarahi Ah Meng di rumah baharunya dan sentiasa menghubunginya menerusi surat, e-mel atau panggilan telefon.

#### Kemahiran Menulis

Pada suatu pagi, Ahmad dan Selva berada di pasar raya. Ketika itu, ramai pengunjung berada di pasar raya tersebut. Ahmad dan Selva ingin membeli kasut sukan kerana ada latihan sepak takraw pada minggu hadapan.

Ketika sedang asyik memilih kasut yang hendak dibeli, tiba-tiba mereka terjumpa seorang kanak-kanak kecil sedang menangis. Kanak-kanak itu berbangsa Cina. Tiada sesiapa yang mempedulikan kanak-kanak kecil itu. Ahmad dan Selva mengagak kanak-kanak itu terpisah daripada ayah dan ibu atau keluarganya.

Selva memberikan cadangan kepada Ahmad agar mereka ke kaunter bahagian khidmat pelanggan di pasar raya itu. Ahmad bersetuju. Mereka memimpin tangan kanak-kanak itu lalu menuju ke kaunter tersebut.

Sebaik sahaja sampai di sana, Ahmad dan Selva memberitahu petugas di situ tentang kanak-kanak itu. Setelah mengambil beberapa keterangan, petugas itu terus membuat pengumuman.

Tidak lama selepas itu, ibu bapa kanak-kanak itu muncul. Mereka sangat gembira kerana dapat bertemu dengan anak mereka semula. Petugas kaunter itu menasihati ibu bapa kanak-kanak itu supaya memberikan pengawasan yang lebih kepada anak mereka.

Keluarga Cina itu mengucapkan terima kasih kepada Ahmad dan Selva. Lelaki Cina itu menghulurkan wang sebanyak RM 20 kepada Ahmad dan Selva. Bagaimanapun mereka tidak mahu mengambilnya.

### Unit 15: Perpaduan Memajukan Negara

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Boleh, tiada masalah. Silakan.
- 2 Perpaduan kaum sangat penting di negara kita untuk mewujudkan sebuah negara yang aman dan damai.
- 3 Cara terbaik memupuk perpaduan ialah menerusi pendidikan di sekolah. Sekarang, kita sudah berusaha mengukuhkan perpaduan dengan cara mewajibkan semua murid di sekolah belajar dan menggunakan bahasa kebangsaan.
- 4 Sekiranya penduduk di negara kita tidak bersatu padu, pelbagai masalah akan timbul. Hubungan antara kaum akan renggang dan mungkin memudahkan berlaku pergeseran antara kaum.

### Kemahiran Membaca

- 1 Dia dapat melihat perpaduan kaum yang terjalin serta pelbagai kaum boleh melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama.
- 2 X, ✓
- 3 Pada pendapat saya, Encik Zamani wajar menetap di Malaysia kerana situasi di negara ini menyenangkan hatinya. Selain itu, perpaduan di Malaysia membolehkan Encik Zamani hidup dengan tenang dan bahagia.

### Kemahiran Menulis

Perpaduan yang utuh antara pelbagai kaum di Malaysia sangat penting. Apabila hidup bersatu padu, negara akan bertambah maju dan rakyat akan hidup dalam keadaan sejahtera. Oleh hal yang demikian, penduduk Malaysia mestilah saling menghormati antara satu dengan yang lain. Mereka juga mestilah taat akan undang-undang, menghormati pemimpin dan berusaha mengekalkan keamanan negara.

Pada masa ini, kerajaan berusaha mengukuhkan perpaduan melalui pelbagai kaedah. Di sekolah, mata pelajaran Sejarah diberi penekanan agar murid-murid memahami sejarah tanah air.

## Tema 6

### Unit 16: Perkasakan Bahasa Kita

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Baiklah, saya akan mengumpulkan sajak yang telah disiapkan dan serahkan kepada Cikgu Farhana.
- 2 Tiada masalah. Saya akan bantu kamu untuk menyusun buku-buku rujukan Bahasa Malaysia di rak itu.
- 3 Baiklah, cikgu. Saya akan pastikan mereka bersedia untuk membuat persembahan esok.
- 4 Terima kasih kerana menjemput. Saya akan datang petang ini jika tiada apa-apa halangan.

#### Kemahiran Membaca

- 1 menyedarkan orang ramai khususnya para peniaga agar mengutamakan bahasa kebangsaan.
- 2 pameran, sesi soal jawab dan ceramah serta kuiz bahasa.
- 3 ramai peserta yang hadir dan memberikan kerjasama semasa kempen itu dijalankan.
- 4 Pada pendapat saya, kempen tersebut wajar diadakan secara berterusan kerana boleh memartabatkan bahasa Melayu serta mengelakkan berlakunya pencemaran bahasa.

#### Kemahiran Menulis

Bahasa Melayu, iaitu bahasa rasmi negara boleh dituturkan oleh pelbagai lapisan masyarakat di negara kita. Oleh itu, bahasa ini akan kekal sebagai bahasa kebangsaan negara. Bahasa Melayu juga menjadi mata pelajaran yang wajib dipelajari di sekolah. Mereka juga perlu lulus mata pelajaran ini pada peringkat SPM jika hendak melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi. Hal ini menunjukkan bahasa Melayu sangat penting.

Pelbagai pihak berusaha memartabatkan bahasa Melayu terutamanya Dewan Bahasa dan Pustaka di samping adanya program Bulan Bahasa Kebangsaan.

### Unit 17: Budi yang Baik Dikenang Jua

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang melancarkan kereta Proton Saga.
- 2 Nama Saga dipilih kerana biji saga amat mudah didapati di Malaysia.
- 3 Proton Saga yang pertama dihadiahkan kepada Muzium Negara sebagai simbol bermulanya industri automotif negara.

#### Kemahiran Membaca

Datuk Lee Chong Wei, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan Almarhum Tunku Abdul Rahman merupakan tiga tokoh yang berjasa kepada negara. Datuk Lee Chong Wei merupakan jaguh badminton negara dan dunia. Beliau mengharumkan nama negara dalam sukan tersebut. Manakala, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee merupakan seorang tokoh seni yang digelar Seniman Agung Negara. Walaupun sudah lama meninggal dunia, tetapi filem-filem dan lagu-lagu beliau masih mendapat tempat di hati peminat. Almarhum Tunku Abdul Rahman merupakan Bapa Kemerdekaan Negara. Beliau juga merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama serta sumbangan beliau kepada negara sangat besar dan bermakna.

#### Kemahiran Menulis

##### Pendahuluan:

memberikan maksud peribahasa, iaitu orang yang membuat jasa akan terus dikenang sampai bila-bila

##### Isi-isi penting:

- memberi peringatan supaya kita membuat kebaikan semasa hidup di dunia ini
- mengingatkan kita tentang kepentingan sikap positif dalam menjalani kehidupan seharian – contohnya, berbuat baik, membantu, bekerjasama, menabur jasa
- memberi peringatan kepada kita agar tidak melakukan perkara-perkara negatif kerana hal ini akan menjatuhkan nama kita – kita tidak akan disanjung dan dikenang sebagai seorang yang baik
- mengingati contoh nama-nama besar di dunia dan negara yang menjadi sebutan kerana jasa yang dicurahkan – contohnya, Nabi Muhammad S.A.W, para pemimpin negara kita yang banyak berjasa dan menjadi sebutan sampai kini

##### Penutup

semasa hidup, berusaha supaya kita berbakti dan dapat meninggalkan nama baik selepas kita tiada nanti

### Unit 18: Bersyukurilah

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Pemimpin berusaha memajukan negara dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pengangkutan dan perhubungan.
- Mereka juga berusaha meningkatkan ekonomi negara dengan melancarkan ciptaan-ciptaan baharu negara seperti kereta nasional.

- Mereka juga berusaha menambah baik kemudahan asas negara dan memajukan bidang pelancongan negara.

### Kemahiran Membaca

Pada masa ini, rakyat Malaysia lebih mudah untuk menuntut ilmu berbanding zaman dahulu. Setiap orang mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada lelaki mahupun perempuan. Golongan wanita juga sudah berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing, malah mampu menyaingi kaum lelaki. Oleh yang demikian, pendidikan sangat penting kepada kedua-dua golongan ini untuk membangunkan negara.

### Kemahiran Menulis

Aku merupakan seorang pendidik. Aku bertugas sebagai guru Bahasa Melayu di sebuah sekolah rendah. Menjadi seorang guru merupakan impian aku sejak kecil.

Selepas tamat pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, aku telah ditugaskan di sebuah sekolah di pedalaman negeri Sabah. Walaupun aku terpaksa berpisah jauh dengan keluarga, aku rela demi kerjaya yang mulia ini.

Sekolah ini serba kekurangan dari segi infrastruktur dan alat bantu mengajar. Hal ini demikian kerana lokasinya agak jauh di pedalaman. Penduduk di sini mengambil masa lima jam untuk ke pekan yang terdekat.

Aku berazam untuk menjadi pendidik yang berdedikasi. Keadaan anak-anak kampung yang serba daif membuatkan aku lebih ikhlas untuk mengajar. Aku mahu anak-anak muridku mengubah nasib keluarga mereka dengan ilmu di dada.

Setelah enam tahun mengajar di sini, aku dapat melihat perubahan positif dalam kalangan anak-anak muridku. Mereka bersemangat untuk cemerlang dalam pelajaran. Kini, beberapa orang murid di sekolah ini berjaya mendapat 6A dalam UPSR berkat pengorbanan semua guru.

Aku bersyukur kerana dapat mencurahkan ilmu kepada insan-insan yang amat dahagakan ilmu. Aku juga berbangga kerana dapat berbakti kepada bangsa dan negara.

## Tema 7

### Unit 19: Khazanah Kesenian Bangsa

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Cikgu akan ajarkan kamu tarian Sumazau.
- 2 Tarian Sumazau ialah tarian tradisi rakyat Sabah, iaitu tarian suku kaum Kadazandusun.
- 3 Perayaan ini akan disambut selepas selesai musim menuai padi.
- 4 Tarian ini sebagai simbol para petani sedang menghalau burung-burung daripada memakan hasil tanaman padi mereka.

#### Kemahiran Membaca

Bil.	Ciri-ciri Sape
1	Diwarnakan merah dan hitam

2	Mempunyai permukaan yang rata
3	Berbentuk empat segi bujur memanjang
4	Bahagian belakang ditebuk sebagai kotak bungi (gema)
5	Mempunyai tali halus
6	Ukiran bermotifkan Orang Ulu
7	Diperbuat daripada kayu lembut
8	Melodi sape tenang dan mengasyikkan

#### Kemahiran Menulis

Namaku balak. Aku berasal di tengah rimba raya. Badanku besar, berbentuk bulat dan memanjang serta kuat dan teguh. Usiaku sudah mencecah puluhan tahun. Ada juga dalam kalangan saudara-maraku yang berusia ratusan tahun.

Pada suatu hari, datang seorang lelaki menebangku. Badanku dipotong-potong menjadi beberapa potong kayu dengan gergaji. Aku dibawa pulang oleh lelaki tadi. Aku dibawa ke sebuah bengkel kayu. Di sana, aku lihat banyak kayu yang diolah menjadi barang berharga seperti perabot, bingkai gambar, congkak, kekisi dan sebagainya.

Seorang pemuda telah mengambilku lalu diketam supaya badanku licin dan rata. Selepas itu, aku ditebuk dan dibentuk menjadi sebuah congkak dengan menggunakan pahat dan tukul. Terdapat 14 lubang kecil dan dua lubang besar yang berfungsi sebagai ibu rumah pada badanku. Kemudian, pada permukaan badanku telah diukir dengan motif flora, iaitu tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga.

Aku sungguh gembira dan kagum dengan hasil tangan pemuda ini. Kini, aku menjadi papan congkak yang cantik dan unik kerana penuh dengan ukiran. Selain dapat mengekalkan warisan, aku juga dapat menghiburkan kanak-kanak bermain congkak.

### Unit 20: Warisan Berharga

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Tuan Pengerusi Majlis
- 2 guru-guru
- 3 rakan-rakan
- 4 Hadirin
- 5 saya
- 6 kita
- 7 Yang Teramat Mulia
- 8 peserta

#### Kemahiran Membaca

Cerita ini mengisahkan tentang seorang pencari kayu api bernama Bujang Selamat. Dia seorang yang rajin. Hal ini terbukti apabila dia keluar mencari kayu api di tepi hutan berhampiran rumahnya setiap hari. Bujang Selamat juga seorang yang jujur. Dia tetap memilih kapak besi miliknya berbanding kapak bersalut berlian dan emas yang diberikan oleh gergasi. Namun, atas sifat jujurnya, dia diberi ganjaran apabila gergasi memberi kedua-dua kapak tersebut kepadanya.



## Kemahiran Menulis

### Laporan Lawatan sambil Belajar ke Muzium Negara

Pada hari Sabtu, 5 Ogos 2017, Persatuan Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Petaling Jaya Utama telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium Diraja yang bertempat di Istana Negara Lama, Kuala Lumpur. Rombongan lawatan disertai oleh 20 orang ahli Persatuan Bahasa Malaysia dan diiringi oleh empat orang guru.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk untuk mendapatkan maklumat tentang Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia. Rombongan ini bertolak pada pukul 8.00 pagi dan tiba di Muzium Istana pada pukul 9.00 pagi dengan menaiki bas yang disewa khas.

Semasa di muzium tersebut, jurupandu muzium membawa kami melawat ke seluruh istana. Kami berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pegawai tersebut untuk mendapat penerangan berkenaan Institusi Raja Berperlembagaan dan fungsi ruang-ruang istana yang dipamerkan.

Antara aktiviti lain yang terdapat di Muzium Diraja ini ialah aktiviti kereta berkuda yang diadakan di pekarangan hadapan bangunan muzium, aktiviti memanah tradisional dan juga bengkel-bengkel tentang seni budaya diraja Melayu.

Pada jam 2.00 petang, kami berkumpul untuk bertolak pulang. Kami sungguh bertuah dan seronok sepanjang lawatan kerana berpeluang menambahkan pengetahuan tentang sejarah raja-raja Melayu di Malaysia.

Disediakan oleh,

*Hakim Hamid*

Setiausaha,  
Persatuan Bahasa Malaysia,  
Sekolah Kebangsaan Petaling Jaya Utama,  
Petaling Jaya, Selangor.

### Unit 21: Indahnya Budaya Kita

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 menganyam daun ketupat, kaum bapa pula sedang mengacau dodol, manakala sekumpulan pemuda sedang membakar lemak
- 2 majlis perkahwinan, membersihkan dan menceriakan kampung, urusan kematian, sambutan acara keagamaan
- 3 'yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing'
- 4 menolong membersihkan kawasan, menyusun kerusi atau meja

#### Kemahiran Membaca

- 1 tidak mahu cucu-cicit mereka berkecil hati jika ditegur.
- 2 memastikan generasi muda menerapkan nilai-nilai murni dalam hidup mereka.
- 3 Satu contoh pantang larang yang masih diamalkan oleh keluarga saya ialah jangan duduk di atas bantal, nanti tumbuh bisul.

*(Jawapan cadangan yang lain jangan menyanji di dapur ketika memasak nanti kahwin dengan orang tua, jangan memotong kuku pada waktu malam dikhuatiri kuku akan menjadi hitam atau mati)*

- 4 Pada pendapat saya, pantang larang ini boleh dipercayai kerana ada kebaikannya seperti dapat mendidik dan mendisiplinkan saya agar menjaga adat budaya orang Timur.

#### Kemahiran Menulis

Di Malaysia, terdapat pelbagai permainan tradisional yang mewakili kaum-kaum ataupun penduduk peribumi. Antara permainan tradisional yang terkenal dalam masyarakat Melayu ialah galah panjang dan Kabaddi bagi kaum India. Kedua-dua permainan ini lazimnya dimainkan di atas padang atau kawasan lapang. Permainan tersebut juga dimainkan secara kumpulan, iaitu terdapat dua pasukan dalam satu permainan.

Permainan galah panjang atau dikenali juga sebagai Toi atau Coh. Dalam permainan ini, satu pasukan sebagai penyerang dan satu pasukan lagi sebagai pasukan bertahan. Setiap pasukan terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang pemain. Semua pemain pasukan penyerang dikira mati jika disentuh oleh pasukan bertahan. Pasukan penyerang dikira menang jika berjaya melepasi semua garisan dan balik semula ke garisan asal.

Permainan Kabaddi pula ialah permainan popular bagi masyarakat India yang berasal dari negara India. Dalam permainan ini, satu mewakili pasukan penyerang dan satu pasukan lagi mewakili pasukan pertahanan. Kedua-dua pasukan terdiri daripada tujuh orang pemain bagi satu pasukan. Seorang penyerang dihantar untuk menyentuh pihak lawan dan berlari semula ke pasukannya. Pemain yang disentuh akan terkeluar. Pasukan pertahanan pula akan membuat rantaian dengan memegang tangan. Jika pegangan terputus, maka salah seorang pemain akan terkeluar. Pihak lawan akan mendapat mata jika setiap pemain terkeluar. Pasukan yang mengumpul mata tertinggi dikira sebagai pemenang.

Sesungguhnya, permainan galah panjang dan Kabaddi hendaklah dikekalkan oleh generasi muda agar permainan ini tidak luput ditelan zaman.

## Tema 8

### Unit 22: Bumiku Sejahtera

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

... jika kita membakar sampah, perbuatan ini akan menyumbang kepada masalah pencemaran udara. Malah, akan memberi kesan kepada kesihatan manusia. Lagipun, sekarang musim jerebu. Tindakan membakar sampah akan memburukkan lagi keadaan udara di sekeliling kita.

#### Kemahiran Membaca

##### Bumiku

Bumiku,  
kesihatanmu semakin tenat

pencemaran berleluasa  
di atas setiap inci tubuhmu.

Bumiku,  
kutahu usiamu semakin tua  
cuma yang kauharapkan  
agar manusia memelihara jasadmu  
dengan sedaya upaya.

Bumiku,  
janganlah kau bimbang  
kucuba mengajari setiap manusia  
hijaukan kembali  
alam sekitar yang tercinta.  
(Murid bebas mencipta sajak lain yang sesuai)

### Kemahiran Menulis

Sungai merupakan nadi kehidupan kepada setiap manusia. Sungai membekalkan sumber protein dan minuman kepada manusia. Tanpa sungai, kehidupan seharian manusia akan menjadi sukar. Namun begitu, semakin moden kehidupan, peranan sungai kepada manusia kian terpinggir. Sungai semakin kotor dengan pembuangan sampah sarap dan sisa bahan kimia oleh kilang-kilang. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah ini seperti menggiatkan lagi kempen Cintai Sungai Kita di media cetak dan elektronik. Selain itu, denda yang tinggi perlu dikenakan kepada sesiapa sahaja yang mencemarkan sungai. Gotong-royong untuk membersihkan sungai juga perlu diadakan setiap masa. Persepsi masyarakat terhadap peranan sungai perlu diubah menjadi minda kelas pertama.

#### Unit 23: Pencinta Alam

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Bolehkah saya ikut sama
- 2 Kami tidak keberatan
- 3 flora dan fauna yang terdapat di sana
- 4 Bagus cadangan kamu itu
- 5 Saya tidak akan lepaskan peluang sebegini

### Kemahiran Membaca

...Aku dan Saiful berjalan perlahan-lahan agar budak lelaki itu tidak menyedari kehadiran kami. Rupa-rupanya, budak lelaki itu pergi ke tepi sungai. Kemudian, kami mendengar suara budak itu sedang bercakap dengan seseorang. Kami menjadi curiga.

Aku dan Saiful mendekati budak lelaki itu. Budak lelaki itu terkejut melihat kami berdua di situ. Kami bertanya kepada budak lelaki itu, tujuannya berada di situ. Dengan teragak-gagak, budak lelaki itu berkata bahawa dia suka pergi ke sungai tersebut kerana airnya yang jernih. Dia dapat melihat pelbagai jenis ikan berenang di dalamnya. Di situ juga tinggal beberapa ekor kura-kura. Budak lelaki itu sering bermain dengan kura-kura yang jinak itu.

Budak itu juga memberitahu bahawa dia suka akan keindahan kampung neneknya yang nyaman dan indah berbanding dengan tempat tinggalnya di bandar yang sudah tercemar. Kami berdua hanya tersenyum mendengar cerita budak lelaki itu. Dalam hatiku berasa bangga tinggal di kampung yang masih terpelihara alam sekitarnya.

### Kemahiran Menulis

No. 2, Kampung Aman,  
Jalan Bukit Belimbing,  
45500, Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.

8 Disember 2017

Ke hadapan sahabatku, Irfan yang kini berada di Batu Pahat, Johor. Diharapkan saudara sekeluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Surat yang saudara kirimkan kepada saya baru-baru ini telah selamat saya terima. Terima kasih kerana saudara masih mengingati dan menghubungi saya untuk mengetahui perkembangan diri saya di sini.

Untuk pengetahuan saudara, baru-baru ini penduduk kampung saya telah mengadakan operasi membersihkan sungai berhampiran rumah saya. Sungai itu telah tercemar dengan sampah sarap sejak beberapa bulan yang lalu. Atas keprihatinan pelbagai pihak, kami bekerjasama membersihkan sungai itu dengan mengumpulkan sampah sarap dan batang-batang kayu yang tersekat di dalamnya. Ada dalam kalangan penduduk yang menebas rumput-rumput panjang di sekitar sungai itu.

Operasi membersihkan sungai itu memakan masa yang agak lama, iaitu kira-kira lima jam. Selepas operasi itu selesai, air sungai sudah bergerak agak laju dan tidak tersekat-sekat lagi. Kami juga memasang jaring di dalam sungai itu supaya dapat memerangkap sampah agar tidak masuk ke sungai itu. Jaring itu kami pasang di sempadan kampung. Setelah tiga hari berlalu, saya mendapati air sungai itu mulai jernih seperti sebelumnya. Tidak sia-sialah usaha yang dilakukan oleh penduduk kampung ini.

Sekian sahaja warkah saya buat kali ini. Saya berharap saudara mendapat pengetahuan tentang operasi pembersihan sungai yang dijalankan di kampung saya sebagai kelangsungan kepada aktiviti pemeliharaan alam sekitar. Semoga bertemu lagi.

Sahabatmu,  
*Uham Sabinah*

#### Unit 24: Lestarikan Keindahan Alam

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 indah khabar daripada rupa
- 2 lepas tangan
- 3 melentur buluh biarlah dari rebungnyanya
- 4 muafakat membawa berkat

### Kemahiran Membaca

Bil.	Perkataan	Makna
1	berkunjung	melawat atau pergi ke sesuatu tempat
2	terbabit	terlibat dalam sesuatu perkara
3	bersyukur	berterima kasih
4	menjejaskan	mengganggu
5	sekitarnya	kawasan sekeliling

## Kemahiran Menulis

### Pendahuluan:

kata alu-aluan kepada hadirin – tajuk syarahan ‘Kepentingan Menjaga Alam Sekitar’ – definisi alam sekitar

### Isi-isi penting:

- mendapatkan suasana dan persekitaran yang bersih – alam akan selamat jika tidak tercemar – manusia dapat hirup udara yang segar – air yang bersih
- penjagaan alam sekitar penting untuk elak penyakit – jika air sungai tidak bersih manusia akan mudah sakit – sakit kulit, taun dan sebagainya
- untuk menarik minat pelancong berkunjung ke negara ini – pelancong tertarik kepada alam sekitar yang bersih – bebas pencemaran
- menaikkan imej negara di mata dunia – ekonomi negara meningkat

### Penutup:

Menyeru orang ramai agar menjaga kebersihan alam sekitar – jangan sudah terhantuk baru tengadah

## Tema 9

### Unit 25: Keajaiban Sains

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Sebenarnya Alan, pameran alat telekomunikasi di kawasan ini dapat memperkenalkan alat-alat moden kepada masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan terpencil. Lantas dapat mengurangkan jurang perbezaan antara masyarakat kampung dengan masyarakat bandar yang kita sedia maklum majoritinya celik komputer. Jika berkemampuan, mereka boleh membeli alat-alat telekomunikasi yang diinginkan. Tidaklah nanti dikatakan mereka ini seperti katak di bawah tempurung dalam era globalisasi ini.

*(Jawapan lain yang sesuai diterima)*

#### Kemahiran Membaca

Bil.	Perkataan Berimbuhan Pinjaman	Makna
1	mahasiswa	Penuntut lelaki institusi pengajian tinggi
2	mahasiswi	Penuntut perempuan institusi pengajian tinggi
3	juruteknik	Seorang yang mahir dalam bidang teknikal
4	jurucakap	Seorang yang menjadi tukang cakap bagi suatu pihak
5	usahawan	Seorang yang giat dalam bidang perniagaan

#### Kemahiran Menulis

Sains merupakan ilmu moden yang sudah menguasai dunia sejak sekian lama. Sains sangat penting dalam kehidupan masyarakat di mana-mana sahaja mereka berada.

Salah satu kepentingan ilmu sains ialah dapat mencipta alat-alat baharu untuk kegunaan manusia. Dengan adanya

ciptaan-ciptaan baharu, manusia dapat menggunakan peralatan tersebut dan menjalani kehidupan dengan lebih sempurna. Contohnya, penggunaan jentera memudahkan manusia menjalankan aktiviti seharian mereka.

Di samping itu, sains dapat mempercepat kerja manusia. Kerja-kerja menjadi lebih mudah dan cepat berbanding dengan menggunakan kaedah lama. Contohnya penggunaan jentera dalam bidang pertanian telah mempercepat kerja para petani dan peladang yang selama ini menggunakan kaedah tradisional.

Bidang sains juga telah menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna, moden dan bermakna. Penciptaan komputer misalnya dapat menjadikan manusia lebih bermaklumat. Apa-apa sahaja maklumat yang diinginkan dapat diketahui melalui hujung jari sahaja.

Bidang sains juga dapat merapatkan hubungan sesama manusia dengan terciptanya telefon bimbit. Kita dapat bertanya khabar saudara mahupun rakan yang jauh melaluinya. Hubungan silaturahim dapat dierat dan dikukuhkan.

Kesimpulannya, ilmu sains membawa kebaikan kepada manusia dan menjadikan hidup manusia lebih sempurna, moden dan bermakna.

### Unit 26: Masyarakat Kreatif dan Inovatif

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Saya buntu memikirkannya.
- 2 laman web Saudara Zulkifli Haron untuk mencari idea.
- 3 yang kreatif dan inovatif dalam penciptaan alatan baharu.
- 4 Saya berharap lebih banyak lagi anak watan kita mengikut jejak langkahnya.
- 5 idola kita untuk menjadi pereka yang kreatif, bak kata pepatah di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya.

#### Kemahiran Membaca

##### Maklumat tersirat

- 1 Kreativiti sangat penting untuk mencipta atau menghasilkan sesuatu yang baharu.
- 2 Mesin rumput itu memudahkan pengguna memotong rumput di kawasan tempat tinggal mereka.
- 3 Mesin ini akan dapat menjimatkan masa dan memudahkan kerja seharian.

#### Kemahiran Menulis

Kreativiti bermaksud daya mencipta yang dimiliki oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat. Dengan adanya kreativiti, seseorang itu dapat menghasilkan sesuatu yang baharu, moden dan bermanfaat kepada orang lain.

Apabila wujud kreativiti, sesuatu ciptaan itu dapat membantu memudahkan kehidupan manusia. Seseorang yang mempunyai daya kreativiti akan menghasilkan ciptaan-ciptaan baharu untuk kepentingan orang ramai. Contohnya, penciptaan alat-alatan yang dapat digunakan oleh suri rumah untuk memudahkan kerja-kerja seharian mereka.

Di samping itu, kreativiti yang dimiliki oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat akan dapat memajukan negara. Contohnya, jika sesuatu ciptaan itu berjaya diketengahkan, ciptaan itu boleh dijual dan negara memperoleh hasil. Malah, jika ciptaan itu berjaya menembusi pasaran antarabangsa, keuntungannya

berlipat ganda dan mampu mengharumkan nama negara.

Selain itu, kreativiti dapat dijadikan sumber pendapatan dan pekerjaan. Seseorang yang ada kreativiti dapat menjadikan bakatnya untuk mencari rezeki dan memberi rezeki kepada orang lain. Contohnya, jika seseorang itu berjaya menghasilkan suatu ciptaan dan ciptaan itu mendapat permintaan ramai, peluang pekerjaan akan terbuka luas untuk memenuhi permintaan.

Kesimpulannya, kreativiti sangat penting dalam kehidupan seseorang. Kreativiti bukan sahaja dapat memajukan diri sendiri, malah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

#### Unit 27: Manfaatkan Kemajuan Teknologi

##### Kemahiran Mendengar dan Membaca

- 1 Kamu tidak berasa bosankah sepanjang hari mengadap skrin televisyen ini
- 2 Lagipun Aiman hanya bermain permainan video ini pada hujung minggu
- 3 Jikalau terlalu lama kamu bermain permainan ini, kesihatan kamu akan terjejas terutamanya penglihatan kamu
- 4 Tunggu Aiman tukar pakaian sukan dulu

##### Kemahiran Membaca

Ibu mengikut peredaran zaman kerana menggunakan alat-alat moden dalam menjalani kehidupan seharian. Namun begitu, ibu tidak melupakan jasa alatan tradisional yang sering digunakan sewaktu beliau kecil dahulu.

Ibu tidak membuang atau menjual barang-barang lama yang dimilikinya, malah ibu menjadikan alat-alat itu sebagai hiasan di ruang tamu kerana alatan tradisional ini mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri.

Selain itu, jika tiada bekalan elektrik, alatan lama ini dapat digunakan semula. Contohnya, seterika lama masih boleh digunakan oleh ibu sekiranya bekalan elektrik terputus dalam jangka masa yang lama. Begitu juga dengan batu giling yang digunakan untuk mengisar bahan-bahan masakan pada zaman dahulu. Pendek kata jika ada yang baharu yang lama jangan dilupa.

##### Kemahiran Menulis

Era globalisasi menuntut manusia lebih peka terhadap pengenalan teknologi baharu. Internet merupakan sejenis media baharu dan diminati ramai. Walaupun untuk memiliki Internet seseorang pengguna perlu mengeluarkan perbelanjaan yang agak tinggi, namun dari semasa ke semasa semakin banyak pengguna yang menggunakan khidmat Internet.

Salah satu kebaikan Internet dalam kehidupan manusia ialah seseorang itu akan memperoleh ilmu dengan cepat dan mudah. Pelbagai perkara dapat dicari dan dirujuk menerusi Internet. Internet membantu manusia dalam segenap aspek.

Menerusi Internet juga, seseorang itu akan dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang ringgit. Contohnya, jika seseorang itu ingin mendapatkan sesuatu maklumat, seseorang itu tidak perlu pergi ke perpustakaan untuk membuat rujukan. Maklumat dapat diperolehi melalui hujung jari sahaja.

Internet juga boleh menjadi medium atau jambatan

bagi merapatkan hubungan dan menambahkan kenalan. Seseorang itu boleh menggunakan khidmat sembang maya untuk berhubung dengan saudara mara atau kenalan di mana-mana sahaja mereka berada.

Oleh yang demikian, Internet mendatangkan banyak manfaat. Namun, jikalau kita tidak menapis maklumat yang diingini, Internet dapat menjerumuskan kita kepada perlakuan negatif.

## Tema 10

### Unit 28: Hargailah Pokok

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

supaya kita menghargai pokok dan hutan, ibu. Manusia dan haiwan memerlukan oksigen yang dibebaskan oleh pokok. Semasa proses fotosintesis, pokok akan menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen. Oleh itu, kita perlu memelihara pokok daripada kemusnahan. Kita juga boleh menghargai pokok dengan menanam pokok hiasan di halaman rumah.

*(Terima jawapan lain yang munasabah)*

#### Kemahiran Membaca

banyak terdapat di negara kita terutama di kampung. Masyarakat dahulu menggunakan pokok rumbia untuk pelbagai kegunaan. Daun pokok rumbia boleh dijadikan atap rumah. Pada masa ini, banyak tempat peranginan menggunakan atap rumbia untuk menarik pelancong.

Pokok rumbia mempunyai buah yang sedap jika dibuat jeruk. Di dalam batangnya pula terdapat sagu yang amat terkenal di negeri Sarawak. Kebanyakan masyarakat Sarawak menjadikan sagu sebagai makanan ruji. Di sana, pokok rumbia ditanam secara komersial.

Namun, kegunaan pokok rumbia semakin berkurangan dalam masyarakat kini sehinggakan ada generasi muda yang tidak pernah melihat pokok ini.

#### Kemahiran Menulis

*Kehijauan pepohon  
aneha nama dan bentuk  
tinggi, rendah, rendang dan rimbun  
menghias hutan  
sejuk mata memandang.*

*Indahnya suasana  
persekitaran yang damai  
burung bebas berkicau  
penghuni rimba beraneka ragam*

*Hutan ini mesti dipelihara  
biar warganya  
sentiasa terjaga  
indah pandangan mata.*


### Unit 29: Penternakan Moden

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 ringan tulang
- 2 di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya
- 3 berputus asa
- 4 kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

5 genggam bara api, biar sampai jadi arang

### Kemahiran Membaca



### Kemahiran Menulis

#### Pendahuluan:

menulis alamat pengirim – tarikh dan bertanya khabar

#### Isi-isi penting:

- membekalkan sumber makanan kepada penduduk – contohnya daging lembu, kerbau, kambing, ayam
- mengurangkan import negara kita – dapat menjimatkan wang
- membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan – pelbagai jenis pekerjaan seperti penternak, perkhidmatan, peniaga, peraih
- mempelbagai hasil negara – tidak terlalu bergantung pada satu-satu sumber

#### Penutup:

berharap dapat bertemu lagi di lain lembaran

#### Karangan Lengkap

No. 40, Kampung Wawasan,  
02600, Jitra,  
Kedah Darul Aman.

14 Mac 2017

Menemui sahabatku, Zamri yang kini berada di Johor Bahru. Semoga saudara berada dalam keadaan sihat sejahtera di samping tugas seharian.

Saudara,

Surat yang dikirim oleh saudara baru-baru ini sudah selamat saya terima. Saya mengucapkan terima kasih atas kesudian saudara berutus surat dan berkongsi pelbagai maklumat dengan saya.

Untuk pengetahuan saudara, bidang penternakan sangat penting kepada masyarakat dan negara kita. Bidang ini dapat membekalkan sumber makanan kepada penduduk. Contohnya, daging lembu, kerbau, kambing dan ayam akan menjadi sumber protein kepada penduduk tempatan.

Di samping itu, bidang penternakan juga penting kerana dapat mengurangkan import makanan negara kita dari negara luar. Oleh hal demikian, bidang penternakan dapat menjimatkan wang negara.

Bidang penternakan juga telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Bidang ini mewujudkan pelbagai jenis pekerjaan seperti penternak, perkhidmatan, peniaga dan juga peraih.

Seterusnya, bidang ini turut mempelbagaikan hasil negara. Oleh itu, negara kita tidak terlalu bergantung pada satu-satu sumber semata-mata.

Setakat ini sahaja surat saya untuk saudara kali ini. Semoga bertemu lagi pada warkah yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,  
*Annuar*

### Unit 30: Pertanian Sumber Rezeki

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 menjimatkan belanja
- 2 menambahkan
- 3 menyihatkan tubuh badan

#### Kemahiran Membaca

Ayat Tunggal
Tanaman jagung sangat popular.
Terdapat banyak jenis jagung.
Jagung mendapat sambutan menggalakkan.
Ayat Majmuk
Tanaman ini diusahakan secara sara diri atau untuk tujuan komersial.
Ada jagung manis, jagung mutiara, jagung Taiwan dan pelbagai jenis lagi.
Jagung boleh dimakan begitu sahaja atau dibuat bubur serta dijadikan bahan campuran membuat kuih.

#### Kemahiran Menulis

Aku dikenali sebagai pokok pisang. Aku mudah hidup di mana-mana sahaja. Aku menjadi tanaman yang disukai ramai. Keluarga aku terdiri daripada beberapa jenis seperti pisang tanduk, pisang nangka, pisang awak, pisang rastali, pisang berangan dan pelbagai lagi.

Batangku lembut dan mudah patah. Bagaimanapun, batangku selalu dijadikan rakit oleh kerana batangku boleh terapung di atas air. Selalunya, beberapa batang pokok pisang diikat dengan tali dan diletakkan di dalam sungai.

Selain itu, buahku boleh dijadikan pelbagai menu. Masakan yang boleh dibuat termasuklah pisang goreng, lepat, pengat, kek, aiskrim dan juga dijadikan kerepek.

Daunku pula ada kegunaannya. Biasanya, daunku dijadikan pembungkus kuih seperti kuih pulut panggang, kuih koci, tepung bungkus dan lain-lain lagi. Malah, ada pengusaha nasi lemak menjadikan daunku sebagai pengalas nasi lemak kerana aromanya yang harum.

Usiaku tidaklah lama. Mungkin lapan bulan selepas ditanam, aku mengeluarkan buah. Bagaimanapun, aku mempunyai anak yang banyak dan boleh meneruskan bakti kepada manusia.

### Tema 11

#### Unit 31: Bersama-sama Menjanakan Ekonomi

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 saya
- 2 kamu
- 3 dia



**Kemahiran Membaca****Rangkap 1**

Menceritakan kegigihan para pesawah bekerja. Mereka bekerja keras untuk menghasilkan beras supaya dapat dijadikan makanan orang ramai.

**Rangkap 2**

Para pekerja di ladang kelapa sawit bekerja gigih. Mereka mengait buah kelapa sawit untuk dijual. Hasilnya menjadi bahan eksport negara.

**Rangkap 3**

Para petani bekerja untuk menyara ahli keluarga. Mereka bekerja dengan rajin dan peluh yang mengalir sudah menjadi kebiasaan bagi mereka.

**Kemahiran Menulis****Isi pertama:**

Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Banyak peluang pekerjaan diwujudkan apabila kilang dibuka. Pelbagai jenis kilang wujud seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

**Isi kedua:**

Meningkatkan ekonomi negara kerana hasil pembuatan kilang dapat dieksport ke luar negara. Negara memperoleh pendapatan yang tinggi.

**Isi ketiga:**

Mengurangkan import barang dari luar. Negara sudah mampu membuat sendiri barang-barang yang sebelum ini diimport. Aliran keluar mata wang negara dapat dikurangkan.

**Unit 32: Berjiwa Usahawan****Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

- 1 sebelah mata
- 2 usaha tangga kejayaan
- 3 genggam bara api, biar sampai jadi arang
- 4 alah bisa tegal biasa

**Kemahiran Membaca**

- 1 Memastikan restorannya bersih
- 2 Menurunkan sedikit harga makanan
- 3 Mengawasi kualiti makanan
- 4 Memastikan makanan berkhasiat
- 5 Memastikan pelayan bersikap mesra pelanggan
- 6 Memastikan pelayan sentiasa mengutamakan kebersihan

**Kemahiran Menulis**

- 1 Setiap kali menjelang hari raya, Puan Zamilah mendapat tempahan yang sangat banyak daripada pelanggan-pelanggannya.
- 2 Jika bukan musim perayaan, Puan Zamilah membuat bahu dan diedarkan di kedai-kedai berhampiran dan di sekitar negeri Perlis.
- 3 Puan Zamilah turut mengupah penduduk-penduduk kampung untuk membantunya membuat kuih dan biskut.

- 4 Mereka terdiri daripada ibu-ibu tunggal yang mencari rezeki untuk menyara keluarga.
- 5 Puan Zamilah bercita-cita ingin memperbesar perusahaannya.
- 6 Dia juga berharap agar perusahaannya yang secara diusahakan kecil-kecilan selama ini akan menjadi lebih besar dan maju.

**Unit 33: Kad dan Diriku****Kemahiran Mendengar dan Bertutur**


- 1 Tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya Aidilfitri
- 2 lebih suka menggunakan laman sosial sahaja
- 3 kaedah lama mesti dipertahankan
- 4 berpuas hati menggunakan kad ucapan
- 5 Kad itu boleh disimpan sebagai kenangan

**Kemahiran Membaca**

Kehilangan kad pengenalan tidak boleh dipandang remeh oleh sesiapa sahaja. Jika berlaku kehilangan kad pengenalan, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah seseorang itu perlu mencarinya terlebih dahulu jika disyaki kad itu tercicir di mana-mana. Sekiranya kad itu tidak ditemukan, kehilangan kad pengenalan mesti dilaporkan kepada pihak polis. Hal ini penting sebagai bukti kad itu telah hilang dan untuk tujuan keselamatan. Jika kad itu ditemukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, kita akan menanggung kesusahan sekiranya kad itu disalahgunakan.

**Kemahiran Menulis**

- 1 kad debit
- 2 Ayah Zali berasa lebih mudah berurusan dengan kad debit kerana kebanyakan pusat beli-belah menyediakan perkhidmatan bayaran menggunakan kad debit.

**SISTEM BAHASA****Kata Nama Am**

- |   |             |          |
|---|-------------|----------|
| A | 1 sekolah   | 4 kertas |
|   | 2 murid     | 5 pen    |
|   | 3 penganjur | 6 hakim  |

- 7 pentas                    10 rumah  
8 peserta                    11 loceng  
9 urus setia                12 kotak

- B**
- 1 Sheila dan rakan-rakannya mengadakan ekspedisi menjelajah Gua Antu.
  - 2 Puan Rosmi memilih dan membeli sayur-sayuran yang segar sahaja.
  - 3 Budak lelaki itu sedang mengayuh basikal di kawasan perumahannya.
  - 4 Pak Dali menanam pelbagai jenis sayur di kebunnya.
  - 5 Sungai di hujung kampung itu jernih airnya.
  - 6 Longgokan sampah sarap itu sudah beberapa hari tidak dipungut.

**Penjodoh Bilangan**

- A**
- 1 Ayah menghadiahkan sebentuk cincin kepada ibu sempena hari jadi ibu.
  - 2 Adik membela tiga ekor kucing yang comel di dalam sangkar.
  - 3 Datuk membawa setandan pisang dari kebunnya di belakang rumah.
  - 4 Nenek mengambil sarapan pagi dengan sekeping roti dan segelas air kopi.
- B**
- 1 Kesalahan: suatu  
Pembetulan: satu
  - 2 Kesalahan: bidang  
Pembetulan: buah
  - 3 Kesalahan: urat  
Pembetulan: rumpun
  - 4 Kesalahan: keping  
Pembetulan: naskhah
  - 5 Kesalahan: kumpulan  
Pembetulan: pasukan
  - 6 Kesalahan: senaskhah  
Pembetulan: sepucuk

**Kata Nama Khas**

- 1 Hari Raya Aidilfitri
- 2 Zoo Negara
- 3 Kuala Lumpur
- 4 Proton Saga
- 5 Gunung Kinabalu
- 6 Sekolah Kebangsaan Taman Midah

**Kata Ganti Nama**

- |          |         |
|----------|---------|
| 1 saya   | 7 Dia   |
| 2 Kami   | 8 saya  |
| 3 Mereka | 9 saya  |
| 4 Kita   | 10 Saya |
| 5 kamu   | 11 dia  |
| 6 kita   | 12 dia  |

**Kata Bantu**

- A** 1 hendak                    2 sedang

- 3 akan                        5 sudah  
4 masih                      6 belum

- B** 1 A                    2 C                    3 D                    4 B                    5 B  
6 D                    7 C                    8 B                    9 A                    10 A

**Kata Kerja**

- |                |              |
|----------------|--------------|
| 1 menyertai    | 6 membubuh   |
| 2 berkumpul    | 7 kerjasama  |
| 3 membersihkan | 8 diawasi    |
| 4 membahagikan | 9 melakukan  |
| 5 menyapu      | 10 disajikan |

**Kata Adjektif**

- A**
- |           |          |
|-----------|----------|
| 1 Canggih | 4 Mudah  |
| 2 Pintar  | 5 Leka   |
| 3 Cepat   | 6 Banyak |
- B**
- |            |          |
|------------|----------|
| 1 tercinta | 5 mahir  |
| 2 jelas    | 6 luas   |
| 3 serius   | 7 hangat |
| 4 mendalam | 8 cinta  |

**Kata Adverba**

- |          |               |
|----------|---------------|
| 1 esok   | 6 hampir      |
| 2 sering | 7 begitu      |
| 3 nanti  | 8 Dahulu      |
| 4 saling | 9 sempat      |
| 5 tadi   | 10 Kerap kali |

**Kata Penguat**

- A**
- |           |           |
|-----------|-----------|
| 1 amat    | 6 agak    |
| 2 kurang  | 7 sangat  |
| 3 sungguh | 8 betul   |
| 4 benar   | 9 terlalu |
| 5 paling  | 10 sekali |

**Kata Penegas**

- |          |          |
|----------|----------|
| 1 pun    | 6 sahaja |
| 2 juga   | 7 -lah   |
| 3 lagi   | 8 Hanya  |
| 4 memang |          |
| 5 -kah   |          |

**Kata Hubung**

- A**
- |          |             |
|----------|-------------|
| 1 kerana | 6 lalu      |
| 2 tetapi | 7 semoga    |
| 3 hingga | 8 Setelah   |
| 4 ketika | 9 manakala  |
| 5 atau   | 10 walaupun |
- B**
- |           |            |
|-----------|------------|
| 1 kecuali | 5 sambil   |
| 2 dan     | 6 walaupun |
| 3 kerana  | 7 malah    |
| 4 tetapi  | 8 sehingga |

**Kata Tugas**

- A 1 beberapa 6 kedua  
 2 Tiga 7 tidak  
 3 masing-masing 8 beratus-ratus  
 4 bukan 9 selatan  
 5 tengah-tengah 10 setengah

- B 1 tentang, kepada  
 2 dari, ke  
 3 sedang  
 4 agar  
 5 dengan, tentang  
 6 belum pernah  
 7 pernah  
 8 Apabila, dari  
 9 tentang, kepada  
 10 dapat, daripada

- C 1 Kesalahan: di waktu  
 Pembetulan: pada waktu  
 2 Kesalahan: supaya  
 Pembetulan: untuk  
 3 Kesalahan: dalam  
 Pembetulan: dengan  
 4 Kesalahan: pada  
 Pembetulan: kepada  
 5 Kesalahan: daripada  
 Pembetulan: dari  
 6 Kesalahan: bahawa  
 Pembetulan: kerana

**Imbuhan**

- A 1 Kesalahan: penglibatan  
 Pembetulan: pelibatan  
 2 Kesalahan: pemberian  
 Pembetulan: memberikan  
 3 Kesalahan: terusan  
 Pembetulan: berterusan  
 4 Kesalahan: mengucap  
 Pembetulan: mengucapkan  
 5 Kesalahan: harga  
 Pembetulan: penghargaan  
 6 Kesalahan: merasa  
 Pembetulan: berasa  
 7 Kesalahan: dipanggil  
 Pembetulan: terpanggil  
 8 Kesalahan: memastikan  
 Pembetulan: memastikan

- B 1 berkembang  
 2 sampingan  
 3 mengusahakan  
 4 berdekatan

- 5 meningkatkan  
 6 berusaha  
 7 Penanaman  
 8 pelancongan  
 9 berterusan  
 10 perkembangan

**Kata Ganda**

- 1 bertungkus-lumus  
 2 hina-dina  
 3 kelam-kabut  
 4 kacau-bilau  
 5 kaya-roya  
 6 Jerih-perih

**Kata Majmuk**

- A 1 Kesalahan: ibubapa  
 Pembetulan: ibu bapa  
 2 Kesalahan: pasaraya  
 Pembetulan: pasar raya  
 3 Kesalahan: tanggung jawab  
 Pembetulan: tanggungjawab  
 4 Kesalahan: duka cita  
 Pembetulan: dukacita  
 5 Kesalahan: Barang kali  
 Pembetulan: Barangkali  
 6 Kesalahan: jawatan kuasa  
 Pembetulan: jawatankuasa  
 7 Kesalahan: bandaraya  
 Pembetulan: bandar raya

- B 1 kerjasama 4 Jawatankuasa  
 2 hari raya 5 ambil mudah  
 3 ibu bapa 6 berganding bahu

- C 1 dialih bahasa 4 Kakitangan  
 2 cerdik pandai 5 kraftangan  
 3 berbelah bahagi

- D 1 B 2 C 3 D 4 A 5 B

**Ayat Songsang**

- A 1 Hidup bersatu padu tidak mengira kaum,  
 masyarakat di negara kita.  
 2 Berbanding masyarakat Melayu dan India,  
 masyarakat Cina lebih gemar berniaga.  
 3 Mengunjungi rakan baiknya di Kuala Lumpur,  
 Puan Kamisah.  
 4 Masih bekerja di syarikat perniagaan milik Encik  
 Lim, Encik Salim.  
 5 Hidup dalam keadaan harmoni, kerajaan  
 menggalakkan masyarakat Malaysia.  
 6 Mengambil beberapa orang pelayan daripada  
 pelbagai bangsa, pemilik restoran itu.

- 7 Ke Kedai Mee Mee untuk dibaiki, Encik Jalil menghantar komputernya yang rosak.
- 8 Akan diadakan pada hujung minggu ini, program gotong-royong mega di Taman Medan.

- B**
- 1 Pada hari-hari istimewa seperti Pesta Kaamatan Hinava disajikan.
  - 2 Mari kita cuba memasak Hinava, kawan-kawan!
  - 3 Dihiris halus lima ulas bawang merah.
  - 4 Terlebih dahulu bersihkan ikan tenggiri.
  - 5 Diperahkan ke atas isi ikan jus limau nipis atau limau Kasturi.
  - 6 Dimasukkan dan digaul sebati bahan yang dihiris seperti bawang merah, bawang putih, halia dan cili merah.
- C**
- 1 Pak Samad sedang mengait buah kelapa.
  - 2 Puan Zamilah melayur daun pisang untuk membuat kuih.
  - 3 Sayur-sayuran yang ditanam oleh Pak Ismail sudah membesar.
  - 4 Encik Ravi ialah pemilik ladang kelapa yang luas itu.
  - 5 Puan Mary membubuh baja tanaman di kebun.
  - 6 Pak Latif menjual ikan yang baru ditangkapnya di kolam.
  - 7 Penduduk kampung itu suka berkebun sayur.
  - 8 Datuk saya mengusahakan kolam udang itu.

#### Penanda Wacana

- A**
- 1 Selepas itu
  - 2 Kemudian
  - 3 Oleh itu
  - 4 Akhirnya
  - 5 Kesimpulannya
- B**
- 1 Walau bagaimanapun
  - 2 Tidak dapat dinafikan bahawa
  - 3 Oleh itu
  - 4 Sejak akhir-akhir ini
  - 5 Jelaslah bahawa
  - 6 Di samping itu
  - 7 Dengan berbuat demikian
  - 8 Hal ini disebabkan

#### SENI BAHASA

- A**
- 1 Bermuafakat dalam semua perkara, Setiap masalah boleh selesai.
  - 2 Jangan dibuat perkara salah, Kelak merana seluruh keluarga.
  - 3 Amalkan hidup penuh ceria, Bahagia sekeluarga setiap masa.
  - 4 Rajin belajar rajin bekerja, Tanda keluarga hidup sentosa.

- B**
- Rangkap 1 – Bumi ini mesti dijaga supaya generasi akan datang berada dalam keadaan selamat.  
 Rangkap 2 – Apabila bumi bersih, negara akan maju dan dapat mengelak sebarang penyakit. Rakyat dapat hidup dalam keadaan sejahtera.  
 Rangkap 3 – Hidup rakyat akan damai jika negara bersih dan menjadi lambang kekuatan sesebuah negara.  
 Rangkap 4 – Kebersihan menjadi tanggungjawab semua pihak dan merupakan salah satu daripada tuntutan agama.

- C BANGSAKU KREATIF**  
 Dengar ini satu cerita,  
 Kisah tentang orang kita,  
 Sudah gah merata-rata,  
 Pandai dalam reka cipta.

Pelbagai benda sudah direka,  
 Sungguh indah orang suka,  
 Nama masyhur dan terkemuka,  
 Bijak sungguh tidak disangka.

Bijak kreatif pintar bestari,  
 Nilainya tinggi tidak terperi,  
 Ke mana pergi orang mencari,  
 Harum namanya seluruh negeri.

#### KERTAS MODEL UPSR

##### PEMAHAMAN

##### Bahagian A

- |      |      |      |      |      |
|------|------|------|------|------|
| 1 C  | 2 A  | 3 A  | 4 A  | 5 C  |
| 6 D  | 7 A  | 8 C  | 9 D  | 10 B |
| 11 B | 12 D | 13 A | 14 D | 15 B |
| 16 B | 17 A | 18 D | 19 A | 20 B |

##### Bahagian B

- 21 (a) (i) Jemput  
 (ii) Jangan
- (b) (i) memenangi  
 (ii) mempertahankan  
 (iii) memelihara  
 (iv) menimbulkan
- (c) (i) membimbangkan  
 (ii) menolong
- 22 di samping, menjemput, kad, sudi, menyaksikan
- 23 (a) Sumbangan ahli Kelab Alumni Sekolah Kebangsaan Sentosa ialah mengadakan kelas tambahan secara percuma kepada murid-murid tahun enam yang miskin.
- (b) murid-murid dapat memperuntukkan masa untuk menghadiri setiap kelas tambahan yang dijalankan.
- (c) Pada pendapat saya, kelas tambahan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu diadakan lebih lama berbanding dengan mata pelajaran lain kerana kertas soalan UPSR Bahasa Melayu terbahagi kepada dua, iaitu Pemahaman dan Penulisan. Oleh itu, mata pelajaran ini memerlukan lebih banyak masa untuk dipelajari.

- 24 (a) Kebaikan-kebaikan membawa bekal makanan ke sekolah ialah makanan yang disediakan berkhasiat dan seimbang di samping dapat melatih murid-murid berjimat cermat.
- (b) **x**  
✓
- (c) Pada pendapat saya, membawa bekal makanan ke sekolah memang menguntungkan murid kerana mereka tidak perlu membeli makanan di kantin yang harganya lebih mahal. Selain dapat makan makanan yang berkhasiat, murid juga dapat menyimpan wang di dalam tabung atau di bank. Wang itu boleh digunakan untuk masa hadapan.
- 25 (a) Dataran Terbuka Taman Setia.
- (b) medal dan sijil penyertaan.
- (c) dalam talian dengan melayari [www.larianperpaduan.com.my](http://www.larianperpaduan.com.my).
- (d) Sekiranya saya menyertai Larian Perpaduan ini, matlamat saya adalah untuk menjadi johan. Oleh itu, saya akan berlatih berlari pada setiap petang sebelum larian berlangsung. Saya juga akan memastikan badan saya sentiasa sihat serta cergas dengan cara bersenam dan menjaga pemakanan yang seimbang.

## PENULISAN

### Bahagian A

- Mengadakan rumah terbuka dengan menjemput tetamu daripada pelbagai kaum dapat mengeratkan hubungan.
- Aktiviti gotong-royong yang melibatkan pelbagai kaum juga dapat menjalin ikatan perpaduan.
- Sukan merupakan medium perpaduan kaum kerana melibatkan pasukan dan penyokong yang pelbagai kaum.
- Sambutan Hari Kebangsaan juga mampu mengeratkan perpaduan kerana disertai dan disaksikan oleh rakyat pelbagai kaum.
- Selain itu, hubungan antara kaum juga dapat dieratkan dengan mengadakan program kebudayaan pelbagai kaum.

### Bahagian B

Berdasarkan graf, bilangan sungai yang tercemar di Perak menunjukkan penurunan yang ketara dari tahun 2015 hingga 2017. Bagaimanapun, sungai yang tercemar hanya berkurang empat batang pada tahun 2016. Oleh itu, pihak kerajaan melancarkan pelbagai usaha membersihkan sungai yang tercemar secara intensif untuk memastikan sumber air mentah mencukupi. Usaha ini termasuklah kempen Cintai Sungai Kita untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan kebersihan sungai. Hasil kerjasama semua pihak termasuklah kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan serta masyarakat, akhirnya hanya tinggal dua batang sungai yang masih tercemar pada tahun 2017.

## Bahagian C

### Soalan 1

Berkebun ialah melakukan aktiviti bercucuk tanam sama ada berkebun sayur, berkebun buah ataupun berkebun bunga. Berkebun mendatangkan banyak manfaat kepada sesiapa sahaja yang mengusahakannya.

Salah satu manfaat berkebun ialah seseorang itu akan memperoleh hasil yang segar. Hasil tanaman yang dipetik di kebun yang diusahakan lebih segar dan berkhasiat berbanding jika dibeli di pasar. Kebanyakan hasil tanaman yang dijual di pasar telah lama dipetik.

Di samping itu, berkebun juga dapat menyihatkan tubuh badan. Seseorang yang mengusahakan kebun akan mengeluarkan peluh apabila melakukan pelbagai aktiviti di kebun. Dalam erti kata lain, berkebun juga boleh menjadi senaman bagi seseorang.

Berkebun juga boleh menambah pendapatan seseorang. Hasil yang diperolehi boleh dijual sekiranya hasilnya melebihi keperluan. Oleh itu, berkebun dapat meningkatkan ekonomi seseorang.

Di samping itu, berkebun juga boleh mengisi masa lapang seseorang. Apabila berkebun, seseorang itu boleh mengelakkan diri daripada membuang masa begitu sahaja.

Kesimpulannya, berkebun memberi banyak kebaikan. Pepatah ada mengatakan, di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya.

### Soalan 2

#### Laporan Mengenai Minggu Bahasa Kebangsaan Sekolah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor.

Pada 16 hingga 20 Ogos 2017, Sekolah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor telah mengadakan Minggu Bahasa Kebangsaan. Sambutan tersebut telah dirasmikan oleh guru besar sekolah, iaitu Tuan Haji Ahmad bin Alimin.

Pelbagai acara diadakan sempena sambutan tersebut. Salah satu acara yang diadakan ialah ceramah tentang bahasa kebangsaan. Seorang pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka telah dijemput untuk menyampaikan ceramah tersebut.

Di samping itu, pelbagai pertandingan telah diadakan dalam kalangan murid sekolah. Antaranya pertandingan pidato, berbahas dan berbalas pantun. Setiap acara yang dijalankan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada murid-murid.

Selain daripada itu, sebuah syarikat buku telah mengadakan jualan murah untuk murid-murid sekolah. Buku-buku kerja dan latihan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kebanyakan murid.

Sambutan Minggu Bahasa Kebangsaan berjalan dengan lancar. Diharapkan sambutan ini dapat menyemai sikap cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.

Dilaporkan oleh,

25 Ogos 2017

*Fadhil*

[FADHIL BIN ISMAIL]

Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,  
Sekolah Kebangsaan Ulu Tiram.